

**PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN KEJOHANAN OLAHRAGA SMK KELIBANG
KALI KE- 21, TAHUN 2026**

1. Undang-undang Pertandingan
Kejohanan ini keseluruhannya dijalankan mengikut undang-undang Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia (KOAM) dan Peraturan AM MSSM dan Peraturan-peraturan Pertandingan Olahraga MSSM.
2. Acara dan Timbangan Alat-alat Pertandingan

| BIL | ACARA | KATEGORI | | | | | | |
|-----|-----------------|----------|----------|-----------|-----------|----------|------------|-----------|
| | | P.K | TING.1 | P2 | P1 | TING.1 | L2 | L1 |
| 1. | 50 METER | X | | | | | | |
| 2. | 100 METER | | X | X | X | X | X | X |
| 3. | 200 METER | | X | X | X | X | X | X |
| 4. | 400 METER | | X | X | X | X | X | X |
| 5. | 800 METER | | X | X | X | X | X | X |
| 6. | 1500 METER | | | X | X | | X | X |
| 7. | 3000 METER | | TERBUKA | | | TERBUKA | | |
| 8. | 4 X 100 METER | | X | X | X | X | X | X |
| 9. | 4 X 400 METER | | | X | X | | X | X |
| 10. | LONTAR PELURU | X 3kg | X 3kg | X 3kg | X 3kg | X 4kg | X 4.5kg | X 5kg |
| 11. | LOMPAT JAUH | X | X | X | X | X | X | X |
| 12. | LOMPAT TINGGI | | X | X | X | X | X | X |
| 13. | MEREJAM LEMBING | | | X 500g | X 500g | | X 600g | X 700g |

3. Hadiah-hadiah
 - Acara individu sehingga 1500 m – pertama, kedua dan ketiga.
 - Acara individu 3000 m - pertama, kedua, ketiga, keempat, dan kelima.
 - Bagi acara pasukan, empat pingat akan diberikan kepada setiap pasukan yang berjaya menduduki tempat pertama, kedua dan ketiga.

4. Acara Pertandingan

4.1 Setiap pasukan adalah dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) **orang peserta** bagi setiap **acara individu** dan satu (1) pasukan bagi **acara lari berganti-ganti**.

4.2 Bilangan maksima penyertaan seseorang peserta adalah seperti berikut

| KATEGORI | INDIVIDU | BERGANTI-GANTI |
|-----------------------------|--|----------------|
| Tingkatan 2 & 3 (L 2, P 2) | 3 acara (acara 3000m terbuka tidak diambil kira) | 2 |
| Tingkatan 4 & 5 (L1, P1) | 3 acara (acara 3000m terbuka tidak diambil kira) | 2 |
| Tingkatan 1 | 3 acara (acara 3000m terbuka tidak diambil kira) | 2 |

4.3 Semua peringkat kategori dibenarkan mengambil bahagian dalam acara terbuka.

5 Pendaftaran Peserta

- Pendaftaran peserta hendaklah dibuat seminggu sebelum kejohanan dengan menggunakan link <https://smkkelibang2026.snn2u.com/> penyertaan rasmi yang disediakan oleh jawatankuasa pengelola.
- Butir-butir tentang seseorang peserta hendaklah dilengkapkan dengan tepat.

6 Pengesahan peserta

- Taklimat pengurus pasukan
 - Semasa taklimat ini, penarikan diri dengan penggantian dibenarkan.
- Penarikan diri semasa kejohanan dijalankan
 - Jika didapati bahawa seseorang peserta setelah disahkan semasa taklimat pengurus-pengurus pasukan, tidak mengambil bahagian dalam mana-mana satu acara (kecuali) jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit/cedera daripada pegawai perubatan kejohanan, atlet berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- Penggantian dalam Acara lari berganti-ganti
 - Penggantian bagi acara Lari berganti-ganti tiada had bagi peserta yang didaftarkan dalam borang penyertaan rasmi.

7 Melaporkan diri peserta

- Semua peserta mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya 15 minit untuk acara balapan dan padang dijadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh pembantu penyelia peserta.
- Peserta tidak dibenarkan melaporkan diri terus kepada pegawai teknik dalam arena pertandingan.
- Peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju lari masing-masing.
- Peserta yang lewat melaporkan diri, iaitu 15 minit sebelum acara dimulakan, tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam acara tersebut dan akan dianggap sebagai telah menarik diri.
- Sebarang keputusan akan diputuskan oleh hakim yang berkenaan.

8. Prosedur masuk dan keluar arena pertandingan

- Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan serta diiringi oleh penyelia peserta.
- Untuk acara balapan, selepas sesuatu acara itu tamat, peserta-peserta hendaklah berada di lorong masing-masing, berpusing balik dan menghadap hakim-hakim balapan untuk menunjukkan nombor mereka dan balik ke tempat peserta dengan serta-merta tanpa memasuki padang.

9. Ukuran Tinggi permulaan

- Lelaki kelas L1
 - 140m, 145m, 150m, 155m, 158m, 161m, 164m dan seterusnya
- Lelaki kelas L2 & L3
 - 120m, 125m, 130m, 135m, 138m, 141m, 144m, dan seterusnya
- Perempuan kelas P1
 - 105m, 110m, 115m, 118m, 121m, 124m dan seterusnya
- Perempuan kelas P2 & P3
 - 100m, 105m, 110m, 115m, 118m, 121m, 124m dan seterusnya

10. Cara Pemutusan Keputusan Kejohanan

- Penentuan peserta terbaik
 - atlet harapan Lelaki
 - atlet harapan perempuan
 - lelaki L2
 - perempuan P2
 - lelaki L1
 - perempuan P1
 - olahragawati
 - olahragawan
- Penentuan pemenang anugerah ini berdasarkan kepada kriteria yang berikut:
 - Pemecah rekod baharu Peringkat sekolah
 - Sekiranya tiada rekod yang diatasi/dicatat, jumlah pungen pingat emas atau perak atau gangsa dalam acara individu akan diambil kira.
 - Sekiranya pungen pingat emas masih sama, pungen pingat perak dan pingat gangsa dalam acara individu akan diambil kira.
 - Olahragawan dan Olahragawati diberi kepada peserta terbaik keseluruhan (Lelaki dan perempuan).
- Johan Keseluruhan
 - Johan keseluruhan olahraga peringkat SMK Kelibang yang memenangi pingat emas terbanyak. Jika berlaku seri, kiraan pingat perak terbanyak akan di ambil kira, jika masih seri, perkiraan pungen pingat gangsa terbanyak akan diambil kira.

11. Huruf-huruf dan nombor badan peserta

- Kain-kain warna dan nombor berikut digunakan untuk rumah sukan

| Bil | Rumah Sukan | Huruf | Nombor |
|-----|-------------|-------|---------|
| 1 | Biru | B | 001-099 |
| 2 | Merah | M | 100-199 |
| 3 | Kuning | K | 200-299 |
| 4 | Hijau | H | 300-399 |

12. Bantahan

- Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta-merta dan tidak lewat daripada:
 - Sepuluh minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal.
 - Lima belas minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir.
 - Sebarang bantahan bertulis kepada juri mesti disertai dengan wang pertaruhan sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja).

13. Hak-hak Jawatankuasa Pengelola

- Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi jawatankuasa pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik dan Pembangunan Olahraga sekolah, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pemindaan, pengurus-pengurus pasukan akan diberitahu.
- Jawatankuasa pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Undang-undang Olahraga KOAM terkini, Peraturan-peraturan Am sekolah.